



HARUN (dua kanan) menerima geran daripada Kushairi sambil disaksikan Raymond (tengah).

SPOR UMS terima geran penyelidikan bernilai RM131,839

UB 27.7.13 B16

KOTA KINABALU: Unit Penyelidikan Minyak Sawit Lestari (SPOR) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerima dua geran untuk projek penyelidikan daripada Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) bernilai RM131,839.

Naib Cancelor UMS, Prof Datuk Dr Harun Abdullah berkata dua geran itu bertajuk 'Spatial and Temporal Distribution of Ganoderma in Relation to Critical Nutrient in Oil Palm' dan 'Modelling Economic Impact of Ganoderma in Basal Stem Rot Disease on Oil Palm Yields' masing-masing bernilai RM61,835 dan RM70,004.

"UMS berharap sekiranya usaha kerjasama antara SPOR dengan MPOB akan terus berkembang selangkah ke hadapan lagi.

"Beberapa sekolah dan institut termasuklah Sekolah Sains dan Teknologi, Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi

Maklumat dan Institut Penyelidikan Marin Borneo adalah penyumbang kepada beberapa bidang penyelidikan kelapa sawit di UMS," katanya ketika majlis Penubuhan Unit Penyelidikan Minyak Sawit Lestari (SPOR) Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini kelmarin.

Beliau berkata, institut dan sekolah itu telah menyumbangkan kajian terhadap impak kepada industri dan masyarakat contohnya kajian mengenai pengurangan pergantungan makanan import ikan melalui penggantiannya dengan bahan-bahan buangan kelapa sawit dan banyak lagi.

Katanya, sejajar dengan usaha berterusan UMS melalui konsep inovatif, relevan dan lestari. Unit SPOR ditubuhkan selari dengan usaha-usaha berterusan UMS dengan pelancaran eco kampusnya untuk terus bergerak seiring dengan penyelidikan bersifat mesra alam.

"SPOR juga akan menggunakan pakar-pakar dari pelbagai disiplin di UMS melalui usaha bersepadan untuk menjalankan penyelidikan yang mesra alam dengan menggunakan kepelbagaian sumber biodiversiti di Kepulauan Borneo untuk menyelesaikan isu dalam industri sawit.

"Oleh itu, UMS akan terus memberikan sokongan yang kuat terhadap segala perjalanan aktiviti SPOR dalam usaha mencapai objektif yang disasarkan," katanya.

Harun percaya unit itu nanti mampu memberikan impak positif dalam meningkatkan tahap penyelidikan kelapa sawit di Sabah agar setanding dengan institusi penyelidikan yang lain.

Turut hadir ialah Timbalan Ketua Menteri, Datuk Raymond Tan Shu Kiah, Timbalan Ketua Pengarah (penyelidikan) MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din serta tetamu kehormat yang lain.